

22/02/2000

Pengeluar perlu pasarkan produk sendiri: Mahathir

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengeluar tempatan perlu mengubah strategi bagi menembusi dan menguasai pasaran dan tidak tertempu kepada kegiatan pengilangan secara kontrak.

Perdana Menteri berkata, pengilangan secara kontrak tidak menjamin pengekalan dan peluasan pasaran untuk jangka panjang, malah pengeluar akan selamanya bergantung kepada pengeluar utama yang boleh menamatkan kontrak mereka pada bila-bila masa.

"Sudah tiba masanya pengeluar Malaysia merangka strategi jangka pendek dan panjang untuk mengeluarkan dan memasarkan barangan keluaran sendiri. Memang disedari dan diakui bahawa mewujudkan dan mempromosikan barangan jenama sendiri bukanlah sesuatu yang mudah. Tetapi ia tidak mustahil.

"Institusi-institusi sokongan awam serta swasta seperti Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan persatuan industri, perlu digemblengkan untuk membantu menjayakan strategi ini," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis penyampaian Anugerah Kecemerlangan Industri 1999 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini. Hadir sama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Pengerusi majlis anugerah itu, Tan Sri Basir Ismail.

Di majlis itu, beberapa syarikat menerima anugerah untuk pelbagai kategori seperti Keluaran, Dagangan, Perkhidmatan dan Pengurusan Kualiti.

Dr Mahathir berkata, Malaysia juga perlu memiliki kelebihan persaingan berasaskan teknologi maklumat (IT) dan produktiviti bagi menjamin kejayaan di bidang perindustrian dan perdagangan.

Katanya, kelebihan berasaskan input atau sumber semula jadi semata-mata bukanlah prasyarat untuk menjamin kejayaan di bidang berkenaan.

"Faktor lebih penting ialah kebolehan dan kecekapan negara menggembleng input dan sumber daripada berbagai-bagai punca dan mengeluarkan barangan dengan cara yang paling kompetitif," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir mencadangkan pengeluar mendapatkan pengiktirafan piawaian antarabangsa untuk untuk meyakinkan bakal pengguna mengenai mutu barangan jenama Malaysia,

Pengeluar dan pengeksport juga perlu menganggap usaha yang dilakukan untuk mempromosi barangan jenama Malaysia sebagai pelaburan jangka panjang.

"Kesesuaian dan kebolehan tenaga kerja juga perlu diberi perhatian dalam usaha mencapai kecemerlangan organisasi," katanya sambil menambah setiap organisasi perlu menentukan tenaga kerjanya berpengetahuan, berkemahiran, cekap dan berdedikasi.

"Peluang perlulah diberi kepada mereka untuk melengkap dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang mereka sedia miliki atau memperoleh pengetahuan dan kemahiran baru yang diperlukan untuk meningkatkan pencapaian kecemerlangan organisasi," katanya.

Menyentuh aspek perkembangan IT, beliau berkata pendekatan "tunggu dan lihat" tidak boleh diamalkan untuk mengelakkan diri daripada tercicir ke belakang.

"Sekiranya pengusaha hanya melihat syarikat asing menceburkan diri dalam e-dagang, yang dijangka akan berkembang pesat, mereka sendiri akan kehilangan pelanggan dan pasaran.

"Kita perlu bersedia menanggung risiko dan bersama-sama membabitkan diri dalam arena persaingan baru itu," katanya.

Sementara itu, katanya penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah elemen penting bagi industri memperbaiki keluaran selain memperkenalkan produk baru. Berbanding negara-negara maju, katanya, perbelanjaan Malaysia ke atas R&D adalah amat rendah, iaitu cuma 0.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

(END)